




**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA  
(STPM)**

**PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN STPM**

**(Peraturan dan Skema Peperiksaan STPM ini digunakan mulai  
STPM tahun 2027)**



**KANDUNGAN**

	<i>Perkara</i>	<i>Halaman</i>
Pengenalan		3
PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN		
1. Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan STPM		4
2. Pendaftaran Masuk Peperiksaan STPM		5
3. Tukar/Gugur Mata Pelajaran STPM		8
4. Pendaftaran Lewat Bagi Calon Yang Ingin Mengulang Untuk Memperbaiki Keputusan STPM Tahun Sebelumnya		9
5. Kaedah Mengulang untuk Memperbaiki Keputusan STPM		10
6. Pembetulan Maklumat		11
7. Pusat Peperiksaan STPM		12
8. Jadual Waktu Peperiksaan STPM		12
9. Perpindahan Pusat Peperiksaan STPM		12
10. Penarikan Diri daripada Peperiksaan STPM		13
11. Penangguhan Peperiksaan STPM		14
12. Penyakit Berjangkit		14
13. Calon Berkeperluan Khas (CBK)		14
14. Bahan yang Dibawa oleh Calon		15
15. Kerja Kursus STPM		15
16. Pembetulan Markah Kerja Kursus STPM (Rujuk Buku Garis Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian Kerja Kursus) – Untuk Kegunaan Guru Sahaja		16
17. Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan Semester (Peperiksaan Ulangan 1 dan Ulangan 2)		16
18. Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Semester		17
19. Perhatian untuk Calon		18
20. Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon		19
21. Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan STPM		20
22. Sijil STPM Secara Dalam Talian (e-Sijil STPM)		23
23. Laporan Peperiksaan STPM		24
24. Hasil Kerja Calon		24
25. Pemilihan Mata Pelajaran STPM		24
26. Pertukaran Aliran STPM		25
27. Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM		26
28. Perhatian		27
SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS		28
SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN		34

## PENGENALAN

Majlis Peperiksaan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225] merupakan badan berkanun persekutuan yang beroperasi di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) ditadbir oleh lembaga pengelola yang disebut "Majlis" yang keanggotaannya terdiri daripada 19 orang Naib Canselor Universiti Awam (UA) tempatan, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia, Ketua Eksekutif Majlis Peperiksaan Malaysia, dan lima orang ahli yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pengerusi Majlis dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam kalangan Naib Canselor Universiti Awam (UA) tempatan.

MPM dipertanggungjawabkan untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) mulai peperiksaan tahun 1982. Peperiksaan ini menggantikan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan/*Higher School Certificate* yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment, England. Peperiksaan STPM ini dilaksanakan pada setiap semester di sepanjang tempoh pengajian yang terdiri daripada tiga semester. Gabungan keputusan terbaik bagi ketiga-tiga semester ini akan menentukan pencapaian keseluruhan dalam pengajian STPM. MPM juga menitikberatkan soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam peperiksaan STPM. Peperiksaan STPM ini juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti pelajar lepasan STPM seperti yang dimatlamatkan dalam bidang keberhasilan utama peringkat Kementerian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2026-2036.

Di samping mengurus peperiksaan STPM, MPM juga mengelolakan *Malaysian University English Test* (MUET) mulai tahun 1999. Ujian kecekapan bahasa Inggeris ini wajib diambil oleh pelajar yang ingin mengikuti program ijazah pertama di Universiti Awam (UA) dan juga untuk tujuan bergraduasi. Ujian MUET ditadbirkan tiga kali setahun mulai tahun 2012. Mulai tahun 2018, MPM juga telah memperkenalkan kaedah *MUET on Demand* (MoD) yang dilaksanakan hampir setiap bulan.

Pada tahun 2013, MPM dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah diminta menawarkan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi warganegara asing (SKBMW). Ujian ini menguji kemampuan warganegara asing untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dengan baik. Ujian ini telah dilancarkan pada tahun 2015.

MPM dengan kerjasama Majlis Dekan Fakulti Perubatan Awam Malaysia telah melaksanakan ujian *Medical Specialist Pre Entrance Examination* (MedEx) yang pertama pada tahun 2019. Selain itu, MPM juga mentadbir peperiksaan Pearson Edexcel bagi pihak Pearson Edexcel United Kingdom mulai tahun 2024. Peperiksaan ini merangkumi *International A-Level*, *International GCSE*, *iLower Secondary*, dan *iPrimary*.

Dalam mengelolakan peperiksaan STPM, MUET, dan SKBMW, MPM melaksanakan fungsi yang berikut mengikut Akta 225 Seksyen 7, iaitu

- (a) Menyediakan dan menerbitkan sukatan pelajaran peperiksaan;
- (b) Menyediakan kertas soalan peperiksaan;
- (c) Mendaftarkan calon peperiksaan;
- (d) Mentadbirkan peperiksaan;
- (e) Menganugerahkan sijil.

Pentadbiran MPM dan pengurusan peperiksaan dijalankan oleh Urus Setia Majlis yang bertanggungjawab kepada Majlis. Urus Setia Majlis diketuai oleh Ketua Eksekutif yang juga Ahli Majlis dan menjadi Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Pentadbir, dan Ketua Pegawai Akademik.

Dalam pengurusan peperiksaan, MPM mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Awam (UA), Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTs), *Cambridge University Press & Assessment*, United Kingdom (CUPA, UK) dan badan profesional yang berkaitan, serta individu yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang ini. Selain itu, MPM juga merupakan ahli tetap *International Association for Education Assessment* (IAEA) sejak tahun 2014.

# PERATURAN DAN SKEMA PEPERIKSAAN STPM

## 1 Syarat Kelayakan untuk Menduduki Peperiksaan STPM

- 1.1 Calon yang mempunyai satu daripada kelayakan yang berikut:
- (a) Lulus Bahasa Melayu SPM gred P8 tahun 1999 atau tahun-tahun sebelumnya
  - (b) Lulus Bahasa Melayu SPM dengan sekurang-kurangnya gred E tahun 2000 hingga 2012
  - (c) Lulus SPM tahun 2013 hingga tahun semasa dengan mendapat sekurang-kurangnya gred E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu\*, dan
    - (i) sekurang-kurangnya gred C bagi **tiga** mata pelajaran, **atau**
    - (ii) sekurang-kurangnya gred C bagi **dua** mata pelajaran dan lulus sekurang-kurangnya gred E bagi **empat** mata pelajaran
  - (d) *GCE/SAP* (Malaysia atau *Cambridge* dengan **tiga** kelulusan peringkat biasa\*\* yang diperoleh dalam satu peperiksaan)
- 1.2 Calon sekolah swasta/persendirian individu pula, bukti kelulusan SPM di atas akan disemak oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Sekiranya tidak menepati kelayakan, pendaftaran calon akan dibatalkan.
- 1.3 Calon yang mempunyai mana-mana kelayakan luar negara yang setaraf dengan SPM hendaklah terlebih dahulu memohon kebenaran untuk mengambil peperiksaan STPM daripada MPM. Calon dinasihatkan untuk merujuk kepada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) tentang perkara ini.

---

**Nota:** \* Calon boleh menggunakan keputusan Bahasa Melayu yang diambil dalam peperiksaan SPM Ulangan

\*\* Kelulusan peringkat biasa *GCE/SAP* bermakna kepujian pada peringkat SPM/*MCE*.

Untuk kemasukan ke Universiti Awam (UA) sila rujuk Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui portal di alamat <https://upu.mohe.gov.my/> .

## 2 Pendaftaran Masuk Peperiksaan STPM

- 2.1 Pemakluman tentang tarikh pendaftaran peperiksaan STPM dibuka dan ditutup boleh dirujuk pada Kalendar Peperiksaan STPM di portal rasmi MPM (<https://www.mpm.edu.my/>), *Facebook* rasmi MPM (Majlis Peperiksaan Malaysia), dan *Instagram* rasmi MPM (majlispeperiksaan).
- 2.2 Calon yang mengambil peperiksaan ini terbahagi kepada **tujuh** jenis, iaitu seperti yang berikut:
- (a) **Calon jenis 1**, iaitu **calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan**
  - (b) **Calon jenis 2**, iaitu **calon sekolah swasta**
  - (c) **Calon jenis 3**, iaitu **calon persendirian individu**
  - (d) **Calon jenis 4**, iaitu **calon yang memperbaiki keputusan keseluruhan STPM yang telah diduduki dan mendaftar semula** untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa bagi mendapatkan keputusan/sijil STPM yang baharu mengikut peperiksaan tahun semasa
  - (e) **Calon jenis 5**, iaitu **calon yang memperbaiki keputusan peperiksaan yang telah diduduki dengan mengulang kertas bagi mata pelajaran tertentu untuk ditampal (*patching*)** dalam sijil STPM asal calon
  - (f) **Calon jenis 7**, iaitu **calon sekolah agama kerajaan negeri**
  - (g) **Calon jenis 8**, iaitu **calon sekolah integriti**
- 2.3 Semua calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 dikehendaki mendaftar **sekali sahaja**, iaitu pada Semester 1, untuk menduduki peperiksaan STPM bagi ketiga-tiga semester. Calon dibenarkan mengambil maksima **lima** mata pelajaran termasuk Pengajian Am. Mata pelajaran Pengajian Am **wajib** bagi tujuan pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) STPM dan permohonan ke Universiti Awam (UA).
- 2.4 Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 hanya boleh menukar status jenis calon kepada jenis 2 (sekolah swasta) atau jenis 3 (persendirian individu) dengan kebenaran MPM. Permohonan hendaklah dikemukakan oleh pihak sekolah bagi pihak calon kepada MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**). Calon yang telah diluluskan untuk menukarkan status kepada calon jenis 2 atau 3, akan dikenakan caj untuk menduduki peperiksaan. Permohonan untuk menukar status kepada calon jenis 3 hendaklah dikemukakan ke MPM selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum peperiksaan Semester 2. Pendaftaran untuk menduduki peperiksaan STPM dibuka pada Semester 1 bagi semua jenis calon, dan Semester 1 dan Semester 2 bagi calon jenis 2 dan 3 sahaja (rujuk perkara 2.5 dan Kalendar Peperiksaan STPM tahun semasa di portal MPM).\*\*
- 2.5 Calon jenis 2 juga dibenarkan untuk menukar status kepada calon jenis 3 dengan kebenaran MPM. Walau bagaimanapun, calon yang diluluskan pertukaran status ke calon jenis 3 **tidak** dikenakan sebarang caj tambahan untuk menduduki peperiksaan.
- 2.6 Calon jenis 2 dan jenis 3 yang berhasrat untuk menukar status kepada calon jenis 1 hendaklah mendapatkan kelulusan daripada **Sektor Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri** masing-masing. Permohonan yang telah diluluskan hendaklah dimajukan ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) melalui Pengetua sekolah yang berkenaan.

- 2.7 Maklumat lanjut tentang tarikh pendaftaran boleh dirujuk pada Kalendar Peperiksaan STPM tahun calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan yang terdapat di portal MPM. Pilihan untuk menduduki peperiksaan mengikut jenis calon adalah seperti jadual yang berikut:

<i>Jenis Calon</i>	<i>Sesi Pendaftaran</i>	<i>Pilihan Semester Peperiksaan</i>
Calon jenis 1, 7 dan 8	Semester 1	Semester 1, Semester 2, dan Semester 3
Calon jenis 2 dan 3	Semester 1	Semester 1, Semester 2, dan Semester 3, <b>atau</b> Ulangan 1, Semester 2, dan Semester 3, <b>atau</b> Ulangan 1, Ulangan 2, dan Semester 3
	Semester 2	Semester 2, Ulangan 1, dan Semester 3, <b>atau</b> Ulangan 1, Ulangan 2, dan Semester 3
Calon jenis 4 [Memperbaiki keputusan peperiksaan keseluruhan (sijil STPM yang baharu)]	Pendaftaran akan dibuka selepas pendaftaran calon jenis 5 ditutup dan akan dibuka sehingga seminggu selepas tarikh pengumuman keputusan rayuan kemasukan ke IPTA diumumkan	Ulangan 1, Ulangan 2, dan Semester 3  <i>Maklumat lanjut sila rujuk para 5.1.</i>
Calon jenis 5 [Memperbaiki keputusan secara kaedah tampal ( <i>patching</i> ) (sijil STPM asal calon)]	Pendaftaran akan dibuka selepas tarikh keputusan peperiksaan STPM keseluruhan calon diumumkan.	Calon akan menduduki peperiksaan khas untuk kertas peperiksaan yang dipilih bagi peperiksaan Semester 1 atau Semester 2 atau Semester 3 atau kesemuanya.  <i>Maklumat lanjut sila rujuk para 5.3.</i>

- 2.8 Bayaran yuran\* untuk mengambil peperiksaan ini adalah seperti yang berikut:

(a) Yuran asas	RM120.00
(b) Yuran setiap mata pelajaran	RM90.00
(c) Caj mengulang peperiksaan bertulis per kertas	RM50.00

- 2.9 Bayaran yuran bagi calon yang menukar status daripada calon jenis 1, jenis 7, atau jenis 8 kepada calon jenis 2 atau jenis 3 adalah seperti yang berikut:

(a) Yuran asas	RM120.00
(b) Yuran setiap mata pelajaran per semester	RM30.00

- 2.10 Bayaran yuran asas dan yuran mata pelajaran bagi calon yang mendaftar untuk memperbaiki keputusan secara kaedah tampal (*patching*), iaitu calon jenis 5 adalah seperti yang berikut:

(a) Yuran asas	RM120.00
(b) Yuran per kertas / per semester	RM50.00

- 2.11 Pendaftaran masuk peperiksaan bagi **calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8** dibuat secara dalam talian di pautan <http://online.mpm.edu.my>. Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon dikehendaki melayari portal MPM <https://www.mpm.edu.my/> bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang pendaftaran.
- 2.12 Bagi **calon sekolah swasta (jenis 2)**, Setiausaha Peperiksaan (SUP) hendaklah mendaftar calon **secara pukal** dengan menghubungi Bahagian Pengendalian STPM dan MUET di alamat e-mel [adnan\\_ahmad@mpm.edu.my](mailto:adnan_ahmad@mpm.edu.my) atau [stpm@mpm.edu.my](mailto:stpm@mpm.edu.my).
- 2.13 Bagi **Calon Persendirian Individu (jenis 3)**, pendaftaran boleh dibuat melalui pautan <https://daftarstpm.mpm.edu.my/>. Calon dinasihatkan untuk merujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 29-34 sebelum mendaftar.
- 2.14 Bagi calon **jenis 2, jenis 3, jenis 4, dan jenis 5** bayaran yuran STPM hendaklah dijelaskan **sekali gus** semasa membuat pendaftaran. Calon akan mendapat keputusan peperiksaan dengan kod **W** sekiranya yuran peperiksaan **tidak** dijelaskan. Semua urusan pembayaran bagi pendaftaran peperiksaan adalah secara dalam talian.
- 2.15 Pendaftaran calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 bagi mata pelajaran di luar pakej sekolah mesti mendapat kelulusan daripada MPM. **Pendaftaran** mata pelajaran **di luar pakej sekolah** hanya dibenarkan untuk mata pelajaran yang mempunyai **kertas alternatif bertulis dan mata pelajaran yang tiada kerja kursus**.
- 2.16 Permohonan untuk mengambil mata pelajaran di luar pakej sekolah hendaklah dihantar ke MPM melalui Pengetua Sekolah/Institusi dan salinan permohonan hendaklah dihantar kepada Jabatan Pendidikan Negeri (**u.p. Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan**). Mata pelajaran di luar pakej akan didaftarkan oleh MPM.
- 2.17 Calon yang ingin mengambil mata pelajaran Tahfiz Al-Quran (932) dan Sains Sukan (966) hendaklah mendaftar pada awal Semester 1 sebelum kerja kursus Semester 1 dilaksanakan. Calon **tidak dibenarkan** mendaftar mata pelajaran Tahfiz Al-Quran (932) dan Sains Sukan (966) selepas kerja kursus Semester 1 dilaksanakan.

---

**Nota:** \* Calon sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan **dikecualikan** daripada membayar yuran STPM. Walau bagaimanapun, calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis bagi sesuatu semester akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00 per kertas**.

\*\* Pendaftaran pada Semester 2 hanya terhad kepada calon jenis 2 dan calon jenis 3 sahaja.

### 3 Tukar/Gugur/Tambah Mata Pelajaran STPM

- 3.1 **Tukar/Gugur** mata pelajaran hanya dibenarkan pada semester calon membuat pendaftaran, iaitu sama ada pada Semester 1 (semua jenis calon) atau Semester 2 (calon sekolah swasta/persendirian individu). Yuran bagi mata pelajaran yang digugurkan/ditukar tidak akan dikembalikan.
- 3.2 Jika calon ingin menukar mata pelajaran **selepas tamat tempoh pendaftaran**, caj sebanyak **RM50.00 per mata pelajaran** akan dikenakan. Penukaran mata pelajaran hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya dua bulan** dari tarikh tutup pendaftaran bagi sesuatu semester yang berkenaan. Penukaran mata pelajaran **selepas dua bulan** daripada tarikh tutup pendaftaran **tidak akan dilayan**.
- 3.3 **Penambahan** mata pelajaran dibenarkan sekiranya calon belum mendaftar sehingga lima mata pelajaran. Penambahan mata pelajaran boleh dibuat pada Semester 1 atau pada Semester 2 sahaja.
- 3.4 Tarikh akhir permohonan calon yang ingin menambah mata pelajaran perlu diterima oleh MPM selewat-lewatnya **dua bulan dari tarikh tutup pendaftaran Semester 1**, manakala tarikh akhir permohonan menambah mata pelajaran pada Semester 2, perlu diterima oleh MPM **dua minggu selepas pengajian Semester 2 bermula**.
- 3.5 Calon jenis 1, jenis 2, jenis 7, dan jenis 8 yang ingin **menukar/menambah/menggugur mata pelajaran** hendaklah mengemukakan permohonan menggunakan **borang STPM/K14 (Borang Permohonan Tukar/ Tambah/ Gugur Mata Pelajaran/ Menarik Diri/ Perpindahan Pusat Peperiksaan)** kepada MPM melalui Pengetua/Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi dan **menghantar salinan permohonan** kepada Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan) mengikut tempoh yang telah ditetapkan. **Borang STPM/K14** boleh dimuat turun dan dicetak daripada portal MPM.
- 3.6 Caj penambahan mata pelajaran ialah **RM50.00 bagi caj perkhidmatan dan RM90.00** bagi setiap mata pelajaran yang ditambah. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Bayaran MPM yang terdapat di portal MPM atau di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/bayaranmpm/>. Slip bayaran dan borang STPM K/14 perlu dihantar ke alamat e-mel [bayaranmpm@mpm.edu.my](mailto:bayaranmpm@mpm.edu.my).
- 3.7 Calon yang mendaftar peperiksaan bagi tujuan memperbaiki keputusan keseluruhan atau secara kaedah tampal (*patching*) **tidak dibenarkan** untuk menukar atau menambah mata pelajaran selepas membuat pendaftaran.
- 3.8 Calon mesti menduduki kesemua kertas yang telah didaftarkan. Calon yang tidak menduduki mana-mana kertas akan mendapat keputusan tidak lengkap dengan kod **X**. Tiada Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) bagi kertas berkenaan akan dikeluarkan.
- 3.9 Calon boleh menyemak status pendaftaran STPM dengan melayari portal MPM melalui semakan pada Laporan Pendaftaran Kemasukan Calon (LPKC). Semakan LPKC hendaklah dibuat pada setiap semester calon menduduki peperiksaan dalam tempoh **empat minggu sebelum peperiksaan bermula**.
- 3.10 Calon jenis 2, jenis 3, jenis 4 dan jenis 5 **perlu mencetak LPKC** masing-masing pada **setiap semester** untuk **dibawa ke pusat peperiksaan** sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan. Bagi calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8, semakan boleh dibuat **secara berkelompok** melalui Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi. Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi hendaklah menyediakan buku rekod akuan bahawa semua calonnya telah menyemak LPKC masing-masing. Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 **tidak perlu** mencetak LPKC untuk dibawa ke pusat peperiksaan dan memadai membawa Kad Pengenalan masing-masing bagi menggantikan LPKC sebagai tiket untuk menduduki peperiksaan.

3.11 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi/Calon hendaklah menghubungi MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) atau Jabatan Pendidikan Negeri (u.p. **Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan**) dengan kadar **segera** jika maklumat calon tiada dalam senarai semakan LPKC atau berbeza dengan Penyata Pendaftaran. Permasalahan juga boleh die-melkan ke [stpm@mpm.edu.my](mailto:stpm@mpm.edu.my).

3.12 Calon **tidak dibenarkan** menduduki kertas peperiksaan yang tidak didaftarkan.

#### 4 Pendaftaran Lewat Bagi Calon Yang Ingin Mengulang Untuk Memperbaiki Keputusan STPM Tahun Sebelumnya

4.1 Pendaftaran lewat STPM tahun semasa hanya dibenarkan kepada calon STPM tahun sebelum yang gagal mendapat tawaran memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan ingin menduduki peperiksaan STPM pada tahun semasa bagi tujuan memperbaiki keputusan.

4.2 Calon hendaklah membuat pendaftaran lewat dalam tempoh **satu minggu** selepas keputusan kemasukan ke IPT diumumkan (sila rujuk Kalendar peperiksaan STPM tahun semasa).

4.3 Calon jenis 4 (sila lihat penerangan pada perkara 2.2 (d)) yang mendaftar lewat hendaklah menduduki peperiksaan bagi ketiga-tiga semester **sekali gus pada Semester 3**, iaitu kertas Ulangan 1, Ulangan 2, dan Semester 3.

4.4 Calon yang mendaftar untuk memperbaiki keputusan keseluruhan (calon jenis 4) dan calon yang mendaftar untuk baiki keputusan secara kaedah tampal (*patching*) (calon jenis 5) dibenarkan memilih mengikut pilihan yang berikut:

4.4.1 Bawa gred KK tahun lepas ke tahun mengulang.

4.4.2 Jika tidak memilih perkara 4.4.1, calon **MESTI** menduduki peperiksaan alternatif bertulis bagi mata pelajaran yang berikut: Pengajian Am, Sejarah, Geografi, Perakaunan, *Physics*, *Chemistry*, *Biology*, Sains Sukan, dan Seni Visual. Markah KK lama akan terbatal.

Bagi mata pelajaran yang tidak menawarkan kertas alternatif bertulis, calon mesti pilih 4.4.1.

4.5 Calon yang mendaftar lewat juga dikehendaki menyiapkan KK mengikut keperluan mata pelajaran yang diambil (sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 29-34). Mekanisme pelaksanaan dan penghantaran KK bagi calon yang mendaftar lewat bagi kes ini akan ditentukan oleh MPM. Sila hubungi MPM (u.p. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET)

4.6 Bagi yang **mengambil mata pelajaran baharu** berbanding mata pelajaran tahun **sebelumnya** dan **tiada** markah KK, calon dikehendaki mengambil kertas peperiksaan alternatif bertulis yang menggantikan KK.

4.7 **Bagi calon yang pertama kali mengambil STPM** sebagai **calon persendirian individu** (calon jenis 3) ATAU melangkaui mengulang lebih satu tahun, calon **mesti**:

4.7.1 Mendaftar kertas alternatif bertulis jika mata pelajaran tersebut menawarkan kertas alternatif bertulis **atau**

4.7.2 Melaksanakan KK jika mata pelajaran tersebut tidak menawarkan kertas alternatif bertulis. MPM akan memberikan panduan kepada calon. Sila rujuk Senarai Mata Pelajaran dan Kertas pada halaman 29-34.

4.8 Calon hendaklah merujuk kepada **Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM** untuk mendapatkan maklumat tentang KK. Manual Kerja Kursus boleh dirujuk pada portal MPM.

## 5 Kaedah Mengulang untuk Memperbaiki Keputusan STPM

### 5.1 Pilihan 1 – Calon Jenis 4

**Mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa secara keseluruhan bagi mendapatkan keputusan/Sijil STPM yang baharu mengikut peperiksaan tahun semasa (kaedah sedia ada seperti pada perenggan 4).**

Calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM tahun semasa dan boleh mendaftar maksima sehingga lima mata pelajaran. Sekiranya mendaftar empat atau lima mata pelajaran (termasuk mata pelajaran Pengajian Am), Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) dan tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun semasa. Sekiranya mendaftar satu hingga tiga mata pelajaran sahaja, tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun semasa tanpa PNGK.

### 5.2 Pilihan 2 – Calon Jenis 5

**Mendaftar untuk menduduki kertas bagi mata pelajaran tertentu pada peperiksaan STPM tahun semasa untuk ditampal (*patching*) dalam Sijil STPM tahun sebelum.**

Calon mendaftar untuk menduduki **kertas bagi mata pelajaran tertentu pada** peperiksaan STPM tahun semasa tetapi hanya dibenarkan mendaftar maksima sehingga **empat mata pelajaran**. PNGK adalah berdasarkan gabungan keputusan mata pelajaran dalam peperiksaan tahun sebelum dengan keputusan mata pelajaran tertentu yang didaftarkan untuk diperbaiki pada tahun semasa. Tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan Sijil STPM adalah mengikut tahun sebelum, iaitu tahun asal.

5.3 Perincian/Penerangan tentang kaedah mengulang **kertas bagi** mata pelajaran tertentu pada peperiksaan STPM tahun semasa untuk ditampal (*patching*) dalam Sijil STPM tahun sebelum adalah seperti yang berikut:

5.3.1 Kaedah ini adalah pilihan calon sendiri secara sukarela;

5.3.2 Calon boleh memilih untuk menduduki semula peperiksaan bagi mana-mana kertas bagi mata pelajaran yang telah didaftarkan dalam peperiksaan STPM tahun sebelumnya tetapi terhad untuk empat mata pelajaran sahaja;

5.3.3 Keputusan Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP) terbaik antara peperiksaan STPM tahun sebelumnya dengan peperiksaan STPM pada tahun memperbaiki akan diambil kira untuk ditampal (*patching*) bagi tujuan pengiraan PNGK yang baharu, tetapi tahun STPM yang tercetak pada slip keputusan STPM dan sijil STPM adalah mengikut tahun sebelumnya (tahun asal, bukan tahun semasa memperbaiki);

5.3.4 Slip keputusan memperbaiki keputusan akan dikeluarkan sama ada keputusan mata pelajaran yang didaftar adalah lebih baik atau sebaliknya berbanding keputusan mata pelajaran tahun sebelumnya;

5.3.5 Sijil STPM yang baharu akan dikeluarkan sekiranya calon mendapat NGMP atau PNGK yang lebih baik daripada tahun sebelumnya (asal);

Sijil STPM yang baharu **tidak** akan dikeluarkan sekiranya calon mendapat NGMP atau PNGK yang sama atau lebih rendah daripada NGMP atau PNGK peperiksaan tahun sebelumnya (asal);

5.3.6 Calon yang mengambil mata pelajaran yang ada kerja kursus tidak boleh melaksanakan kerja kursus yang baharu. Calon hanya diberi pilihan sama ada menggunakan gred kerja kursus tahun sebelum atau mengambil kertas alternatif bertulis (bagi mata pelajaran yang menawarkan kertas alternatif).

- 5.3.7 Calon yang mendapat keputusan X (Tidak Hadir) atau keputusan Z (keputusan bagi satu mata pelajaran yang dibatalkan kerana sabit kes salah laku) pada tahun sebelumnya, dibenarkan untuk mendaftar mata pelajaran yang terlibat dalam peperiksaan memperbaiki keputusan STPM melalui pilihan ini. Namun demikian, calon yang mendapat keputusan Z, yang **dibatalkan dua atau lebih mata pelajaran tidak dibenarkan** untuk memperbaiki keputusan dengan menggunakan kaedah ini. Calon yang **dibatalkan keputusan keseluruhan STPM** atau yang digantung daripada menduduki peperiksaan STPM untuk satu tempoh yang ditetapkan juga **tidak** dibenarkan untuk memperbaiki keputusan peperiksaan dengan menggunakan kaedah ini;
- 5.3.8 Calon yang mendapat keputusan X (tidak menghantar kerja kursus) dibenarkan mendaftar mata pelajaran yang terlibat dan perlu mengambil kertas alternatif bertulis bagi menggantikan KK. Calon tidak dibenarkan mendaftar bagi mata pelajaran yang tiada kertas alternatif bertulis.
- 5.3.9 Kaedah ini hanya boleh digunakan sekali sahaja, iaitu pada **tahun berikutnya sebaik sahaja** keputusan keseluruhan STPM diumumkan.
- 5.3.10 Penerimaan oleh IPT terhadap permohonan kemasukan calon yang menggunakan keputusan STPM melalui kaedah tampal (*patching*) adalah tertakluk kepada penerimaan IPT sendiri dan di luar bidang kuasa MPM;
- 5.3.11 Sijil STPM selepas tampal (*patching*) akan dikeluarkan melalui sistem e-sijil dan dikenakan caj

## 6 Pembedulan Maklumat

- 6.1 Calon bertanggungjawab menentukan semua butiran dan maklumat yang dimasukkan dalam sistem pendaftaran dalam talian adalah betul dengan menyemak maklumat pendaftaran yang tercatat pada **Penyata Pendaftaran** (STPM/PP) semasa proses pendaftaran dilaksanakan.
- 6.2 Pindaan atau pembedulan maklumat hendaklah dilakukan dalam tempoh pendaftaran. Caj **RM50.00** juga akan dikenakan jika pembedulan maklumat dilakukan selepas tempoh tersebut.
- 6.3 Pembedulan maklumat ini melibatkan pembedulan **ejaan nama** dan **nombor kad pengenalan** sahaja.
- 6.4 Jika calon memaklumkan sebarang kesalahan maklumat peribadi pada hari peperiksaan, caj sebanyak **RM50.00** akan dikenakan. Ketua Pengawas hendaklah mencatatkan pembedulannya dalam Buku Rekod Pengawasan (BRP). Pembedulan maklumat akan dibuat pada slip keputusan calon nanti. **Borang Pembedulan Maklumat Calon** dapat diperoleh daripada BRP atau dimuat turun melalui portal MPM. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Bayaran MPM yang terdapat di portal MPM atau di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/bayaranmpm/>. Slip bayaran bayaran berserta borang **STPM/K15** hendaklah dihantar ke alamat e-mel [bayaranmpm@mpm.edu.my](mailto:bayaranmpm@mpm.edu.my) (u.p: Setiausaha Bahagian STPM dan MUET).

## 7 Pusat Peperiksaan STPM

- 7.1 Senarai pusat peperiksaan bagi sesebuah negeri akan ditentukan oleh **Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan** (SPP, JPN) yang berkenaan. Semasa mendaftar, calon hendaklah memilih pusat peperiksaan yang mana calon bercadang hendak mengambil peperiksaan ini. Walau bagaimanapun, SPP, JPN berhak menumpangkan/memindahkan calon ke pusat peperiksaan di daerah atau di bandar yang berhampiran.
- 7.2 SPP, JPN juga boleh menutup sesuatu pusat peperiksaan jika bilangan calon di pusat tersebut terlalu kecil atau tidak ekonomik. Calon di pusat tersebut boleh dipindahkan ke pusat lain yang menawarkan mata pelajaran yang diambil oleh calon.

## 8 Jadual Waktu Peperiksaan STPM

- 8.1 Jadual Waktu Peperiksaan STPM boleh dirujuk dan dimuat turun daripada portal MPM semasa pendaftaran bagi sesuatu peperiksaan yang dibuka.
- 8.2 Waktu yang diperuntukkan kepada setiap kertas soalan ada dinyatakan dalam sukatan pelajaran peperiksaan bagi mata pelajaran yang berkenaan. Waktu untuk membaca soalan adalah termasuk dalam waktu menjawab. Calon diminta berada 30 minit awal di dalam bilik/dewan peperiksaan sebelum peperiksaan bermula (sila rujuk Jadual Waktu Peperiksaan STPM dalam portal MPM).
- 8.3 Calon yang terlibat dengan pertembungan jadual waktu peperiksaan hendaklah mendapatkan keterangan lanjut daripada Ketua Pengawas. Kertas yang terlibat perlu diduduki oleh calon pada hari yang sama.
- 8.4 Calon **tidak** dibenarkan membawa masuk Jadual Waktu Peperiksaan STPM ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- 8.5 Calon yang bertembung jadual peperiksaan SPM atau Ulangan SPM dengan STPM hendaklah **memilih salah satu peperiksaan sahaja**.

## 9 Perpindahan Pusat Peperiksaan STPM

- 9.1 Permohonan untuk berpindah ke pusat peperiksaan yang lain hendaklah menggunakan **borang STPM/K14 (Borang Permohonan Tukar/ Tambah/ Gugur Mata Pelajaran/ Menarik Diri/ Perpindahan Pusat Peperiksaan)** dan dikemukakan ke MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) **tidak** lewat dari lima minggu sebelum peperiksaan bermula. Calon akan menggunakan angka giliran baharu.
- 9.2 Permohonan pindah pusat yang diterima kurang dari sebulan dari tarikh peperiksaan akan menggunakan angka giliran asal. Calon akan menggunakan angka giliran baharu pada semester berikutnya.
- 9.3 Pindah pusat peperiksaan hanya dibenarkan atas sebab yang munasabah, dan bayaran sebanyak **RM50.00** akan dikenakan.
- 9.4 Calon dinasihatkan **memilih sekolah yang mempunyai mata pelajaran yang sama** dengan yang telah didaftarkan bagi memudahkan pengendalian KK calon.
- 9.5 Pada dasarnya, perpindahan pusat peperiksaan hanya akan diluluskan sekiranya pusat tersebut menawarkan mata pelajaran yang telah didaftarkan oleh calon.

- 9.6 Calon yang telah menduduki peperiksaan Semester 1 di sekolah lama, apabila berpindah ke sekolah baharu yang tidak menawarkan mata pelajaran yang telah diduduki semasa Semester 1, maka Setiausaha Peperiksaan sekolah baharu hendaklah membuat permohonan mata pelajaran luar pakej bagi calon tersebut kepada MPM (u.p. Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET) dan memberikan salinannya kepada Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan).
- 9.7 Calon yang **telah diluluskan** perpindahan pusat peperiksaannya **mestilah** menduduki peperiksaan di pusat yang baharu dengan menggunakan nombor pusat dan angka giliran **yang baharu**. Maklumat terkini akan tercatat pada LPKC bagi semester yang berkenaan.
- 9.8 Calon yang memohon perpindahan pusat peperiksaan boleh menyemak status permohonan mereka melalui portal MPM apabila LPKC bagi semester tersebut dimuat naik.
- 9.9 Setiausaha Peperiksaan Sekolah/Institusi di sekolah calon yang baharu hendaklah membuat permohonan tentang perpindahan pusat kepada MPM bagi calon yang berpindah ke sekolah tersebut menggunakan borang STPM/K14 dan memberikan salinan kepada Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan).

## 10 Penarikan Diri daripada Peperiksaan STPM

- 10.1 Calon yang menarik diri daripada mengambil peperiksaan STPM **tidak** akan dikembalikan yuran peperiksaannya **kecuali** bagi kes yang berikut:
- (a) **Calon yang sakit berpanjangan**. Surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan hendaklah dikemukakan.
  - (b) **Calon yang meninggal dunia**. Salinan surat perakuan/Sijil Kematian hendaklah dikemukakan oleh ahli keluarga atau warisnya kepada Majlis Peperiksaan Malaysia. (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**)
  - (c) **Calon yang berjaya menyambung pelajaran ke IPT**. Surat tawaran hendaklah dikemukakan.
  - (d) **Sebab yang munasabah**, tertakluk kepada keputusan MPM.
- 10.2 Calon/Waris yang ingin menuntut pengembalian yuran STPM hendaklah mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Ketua Eksekutif MPM (u.p.: **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) berserta bukti pembayaran yang sah dalam tempoh **30 hari** dari tarikh peperiksaan tamat.
- 10.3 Jumlah yuran yang dikembalikan akan ditentukan oleh MPM dan yuran hanya akan dikembalikan selepas sesuatu semester peperiksaan itu tamat. Permohonan pengembalian yuran peperiksaan yang dibuat **30 hari** selepas sesuatu peperiksaan itu tamat **tidak akan dilayan**.

## 11 Penangguhan Peperiksaan STPM

- 11.1 Penangguhan peperiksaan hanya dibenarkan untuk Semester 1 dan Semester 2 sahaja. Permohonan penangguhan hendaklah dikemukakan **secara bertulis kepada Ketua Eksekutif, MPM** dengan memberikan sebab yang munasabah dan menyertakan bukti sebulan sebelum tarikh peperiksaan bermula. Kelulusan ini tertakluk kepada pertimbangan MPM.
- 11.2 Calon yang diluluskan untuk menangguhkan peperiksaan pada Semester 1 atau Semester 2 hendaklah menduduki peperiksaan Ulangan 1 atau Ulangan 2 pada kohort yang sama.
- 11.3 Calon boleh menangguhkan peperiksaan Semester 1 atau Semester 2 hanya bagi perkara yang berikut:
- Calon sakit berpanjangan
  - Calon sakit kritikal
  - Calon yang mempunyai sebab yang munasabah; tertakluk kepada keputusan MPM.
- 11.4 Calon tidak boleh menangguhkan peperiksaan Semester 3, Ulangan 1, dan Ulangan 2.
- 11.5 Bagi calon jenis 1 dan jenis 7 yang ingin menangguhkan tahun peperiksaan STPM, calon diminta untuk mendapatkan kelulusan dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri (**u.p Sektor Pengurusan Sekolah**) melalui pihak sekolah mengenai kemasukan semula ke Tingkatan 6 bagi tahun penangguhan.
- 11.6 Calon jenis 2 dan jenis 3 yang diluluskan penangguhan, perlu membuat bayaran asas sebanyak **RM120.00** berserta salinan surat kelulusan tersebut. Bayaran tersebut perlu dihantarkan terus ke MPM (u.p.: **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) semasa pendaftaran baharu (tahun semasa) dibuka.

## 12 Penyakit Berjangkit

Calon yang mengidap penyakit berjangkit hendaklah menangguh peperiksaan dengan membuat permohonan penangguhan peperiksaan ke MPM (u.p **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) dengan kadar **segera**.

## 13 Calon Berkeperluan Khas (CBK)

- 13.1 **Permohonan** calon berkeperluan khas (buta, rabun, spastik, autisme, sengau, bisu, pekak, dan lain-lain) hendaklah melengkapkan **borang K11.1 (Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta))**/**borang STPM/K13 (Borang Maklumat Calon Istimewa)** yang boleh dimuat turun dari portal MPM disertakan dengan dokumen sokongan dan menghantarnya ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) dan salinan kepada SPP, JPN **selewat-lewatnya dua minggu** selepas tarikh tutup sesuatu pendaftaran.
- 13.2 Pengetua sekolah boleh memohon pertimbangan khas untuk diberikan kepada seseorang calon sekolah yang prestasi peperiksaannya mungkin terjejas disebabkan oleh sesuatu penyakit yang baharu dihidapnya atau musibah/kemalangan yang menimpa dirinya. Permohonan boleh dibuat secara bertulis berserta dengan bukti dokumen sokongan kepada MPM **selewat-lewatnya sehari** selepas tarikh akhir peperiksaan bertulis.
- 13.3 Pengetua sekolah/Ketua Pengawas boleh memohon untuk mendapatkan jurutulis pindah bagi calon yang tidak dapat menulis sendiri akibat kecederaan. Bagi calon yang menggunakan perkhidmatan jurutulis pindah, skrip jawapan calon perlu dihantar

bersama rakaman jawapan calon. SPP, JPN perlu memaklumkan kepada MPM dengan kadar **segera** secara bertulis berserta dengan bukti dokumen sokongan tentang perkara ini.

- 13.4 Pengetua Sekolah juga boleh memohon pertimbangan khas untuk pengecualian KK bagi calon-calon berkeperluan khas. MPM akan mempertimbangkan permohonan tersebut mengikut kes.
- 13.5 Sekiranya pihak sekolah tidak menulis dengan jelas keperluan yang diperlukan oleh calon, maka calon tidak akan menerima kemudahan yang dikehendaki.

#### 14 Bahan yang Dibawa oleh Calon

- 14.1 Calon dikehendaki membawa Kad Pengenalan/Mykad atau dokumen pengenalan diri yang lain (yang bergambar) semasa menghadiri setiap sesi dan sidang peperiksaan.
- 14.2 Calon dikehendaki membawa alat tulis, kalkulator, dan alat lukisan sendiri. Calon dikehendaki menulis jawapan dengan menggunakan **pena mata bulat** berdakwat **hitam** atau **biru** sahaja. Penggunaan dakwat berwarna yang lain adalah **tidak** dibenarkan, tetapi pensel dan catan warna lain boleh digunakan untuk melukis gambar rajah dan peta. Penggunaan sebarang jenis pemadam **tidak** digalakkan. Bagi ujian kertas aneka pilihan, calon hendaklah membawa pensel **2B** atau **BB** dan getah pemadam sendiri.
- 14.3 *Flexicurve* boleh digunakan bagi mana-mana kertas yang memerlukan lukisan bergraf.
- 14.4 Kalkulator elektronik saintifik yang senyap dan **tidak** boleh diprogram atau paparan grafik sahaja yang boleh digunakan dalam peperiksaan STPM **kecuali** soalan tertentu **tidak** membenarkan penggunaannya. Pusat peperiksaan **tidak** bertanggungjawab untuk menyediakan punca kuasa bagi kalkulator. Bahan lain yang berkaitan dengan kalkulator tersebut seperti manual pengguna **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.

#### 15 Kerja Kursus STPM

- 15.1 KK bagi mata pelajaran berkenaan merupakan komponen yang **wajib** diambil oleh setiap calon. Kegagalan calon menjalankan KK atau menghantar KK pada tarikh yang ditetapkan akan menyebabkan calon mendapat keputusan kod **X** pada kertas dan mata pelajaran tersebut.
- 15.2 KK terdiri daripada kerja projek, kajian lapangan, amali sains, amali sains sukan, ujian lisan bahasa Arab, dan ujian syafawi. Dalam aspek wajaran pula, peratusan wajaran yang ditawarkan dalam KK adalah berbeza mengikut mata pelajaran, iaitu antara 20% hingga 40%.
- 15.3 Manual Kerja Kursus bagi setiap mata pelajaran untuk guru dan calon boleh dimuat turun daripada portal MPM pada semester yang menawarkan KK. **Walau bagaimanapun, Coursework/Manual** bagi mata pelajaran *Information and Communications Technology, Physics, Chemistry, Biology*, dan Manual Kerja Kursus Perakaunan, Sains Sukan, dan Tahfiz Al-Quran dimuat naik pada Semester 1.
- 15.4 Sekiranya guru kerja kursus bagi sesuatu mata pelajaran bersara atau sakit berpanjangan dan tidak ada pengganti, maka Pengetua Sekolah hendaklah memaklumkan MPM (u.p.: **Setiausaha Bahagian Pengendalian Peperiksaan STPM dan MUET**) dengan kadar **segera**.

- 15.5 Calon yang mendaftar bagi memperbaiki keputusan keseluruhan STPM (calon jenis 4) atau calon yang mendaftar bagi memperbaiki keputusan STPM secara kaedah tampal (*patching*) (calon jenis 5), boleh memilih sama ada hendak membawa gred KK tahun sebelum atau menduduki peperiksaan kertas alternatif bertulis. Namun pilihan ini terhad bagi mata pelajaran yang menawarkan kertas alternatif bertulis sahaja. Jika tidak, calon hendaklah memilih untuk membawa gred KK tahun sebelum.
- 15.6 Soalan/Tema KK boleh dimuat turun pada semester yang menawarkan KK melalui portal MPM.
- 16 Pembetulan Markah Kerja Kursus STPM (Rujuk Buku Garis Panduan Umum Pengurusan dan Pengendalian Kerja Kursus) – Untuk Kegunaan Guru Sahaja**
- 16.1 **Markah mentah KK** hendaklah dihantar ke MPM melalui e-markah mengikut tarikh yang telah ditetapkan. MPM akan memuat naik markah KK dalam portal MPM untuk **semakan guru mata pelajaran sebulan selepas tarikh akhir e-markah** KK ditutup (Sila rujuk kalendar kerja kursus di portal MPM). Permohonan pembetulan markah KK (jika ada) boleh dibuat kepada MPM dalam tempoh **satu bulan** dari tarikh muat naik tersebut dengan menyertakan Borang Markah Kerja Kursus Calon (BMKKC) atau *Student's Record* atau cetakan e-markah yang mengandungi markah kerja kursus calon dan telah ditandatangani oleh guru mata pelajaran dan pengetua.
- 16.2 **Tiada lagi** pembetulan markah KK selepas keputusan **peperiksaan Semester 3 dan keputusan Kerja Kursus** dimuat naik ke portal MPM. Keputusan adalah muktamad.
- 17 Peluang Memperbaiki Keputusan Peperiksaan Semester (Peperiksaan Ulangan 1 dan Ulangan 2)**
- 17.1 **Tiada** prasyarat kelulusan gred minimum dalam sesuatu semester untuk melayakkan calon mengikuti pengajian pada semester yang berikutnya.
- 17.2 Calon hanya dibenarkan mengulang peperiksaan bertulis Semester 1 dan/atau peperiksaan bertulis Semester 2 bagi tujuan memperbaiki keputusan peperiksaan berkenaan pada hujung **Semester 3 sahaja bagi kohort yang sama**. Peluang untuk menduduki peperiksaan ulangan bagi semester yang berkenaan **hanya sekali sahaja**.
- 17.3 Keputusan peperiksaan semester yang terbaik (skor tertinggi) akan diambil kira antara peperiksaan bertulis yang diduduki kali pertama dengan peperiksaan ulangan.
- 17.4 Calon yang ingin mengulang peperiksaan bertulis sesuatu semester akan dikenakan caj sebanyak **RM50.00** per kertas.
- 17.5 **Tiada** peperiksaan ulangan bagi KK dan juga peperiksaan kertas alternatif bertulis yang menggantikan KK serta kertas bertulis Semester 3.
- 17.6 Calon yang **tidak hadir** dalam peperiksaan semester dengan alasan yang **tidak munasabah** dan calon yang **disabitkan** dengan kes salah laku, **tidak** dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan. Ini kerana tujuan asas peperiksaan ulangan adalah untuk memperbaiki keputusan peperiksaan semester yang telah diduduki.

- 17.7 Calon yang tidak dapat hadir dalam peperiksaan semester dengan alasan yang munasabah hendaklah mengemukakan permohonan ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian Pengendalian STPM dan MUET**) dengan **kadar segera** sebelum/selepas sesuatu peperiksaan semester itu bermula/tamat. **Bukti sokongan** juga hendaklah disertakan bersama dengan surat permohonan untuk menduduki peperiksaan ulangan. Caj sebanyak **RM50.00** per kertas akan dikenakan.
- 17.8 Calon yang hendak menukar mata pelajaran yang telah didaftarkan bagi peperiksaan ulangan **selepas tarikh tutup pendaftaran**, caj sebanyak RM50.00 akan dikenakan. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Bayaran MPM yang terdapat di portal MPM atau di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/bayaranmpm/>. Calon yang ingin menukar mata pelajaran **sebulan selepas tarikh tutup pendaftaran tidak akan dilayan**.
- 17.9 Pendaftaran Ulangan STPM adalah secara dalam talian sahaja melalui Sistem Pendaftaran Peperiksaan Ulangan STPM di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/STPMDU/>. Kaedah pembayaran pendaftaran adalah secara dalam talian melalui Sistem Bayaran MPM yang terdapat di portal MPM.
- 17.10 Pendaftaran hendaklah dibuat dalam **tempoh yang ditetapkan sahaja**.

## 18 Rayuan Penyemakan Semula Keputusan Peperiksaan Semester

- 18.1 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester akan dibuka secara dalam talian. Maklumat lanjut berserta pautan berkaitan dengan rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan boleh didapati daripada portal MPM.
- 18.2 Rayuan penyemakan semula keputusan peperiksaan semester akan dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** bagi satu kertas.
- 18.3 **Tiada** rayuan penyemakan semula untuk **kertas peperiksaan alternatif bertulis, kerja kursus, dan kertas peperiksaan ulangan**.
- 18.4 Cara penyemakan semula keputusan peperiksaan semester adalah seperti yang berikut:
- (a) Menyemak penghitungan markah dan ketepatan gred yang diberikan bagi sesuatu kertas dan mata pelajaran
  - (b) Memeriksa semula skrip jawapan calon oleh pemeriksa yang sangat berpengalaman
- 18.5 Keputusan penyemakan semula akan dimaklumkan kepada calon melalui portal MPM.
- 18.6 Keputusan penyemakan semula yang dibuat oleh MPM adalah **muktamad**.

## 19 Perhatian untuk Calon

Calon diminta mengambil perhatian tentang perkara yang berikut:

- (a) Calon **tidak** boleh membawa masuk telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, *earbuds*, jam tangan pintar, cermin mata pintar, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* serta alat-alat berbahaya ke dalam dewan/bilik peperiksaan **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- (b) Calon bertanggungjawab atas semua barangan peribadi yang dibawa ke pusat peperiksaan. MPM tidak bertanggung jawab atas sebarang kehilangan barangan peribadi calon.
- (c) Calon **tidak** boleh menghantar skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan yang dibawa keluar daripada dewan peperiksaan sama ada semasa atau selepas tamat peperiksaan dengan apa juga alasan. Ketua Pengawas **tidak** akan menerima skrip jawapan/sebahagian daripada skrip jawapan tersebut.
- (d) Calon hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** sekiranya
  - (i) calon telah diberi kertas soalan bagi sesuatu kertas yang **tidak** diambil olehnya, atau
  - (ii) calon telah diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi sesi peperiksaan berkenaan.
- (e) Calon **tidak** dibenarkan melipat helaian kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan calon daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika calon menerima helaian kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, calon diminta menyerahkan semula helaian kertas tulis itu kepada Pengawas.
- (f) Calon **tidak** dibenarkan membawa keluar helaian kertas tulis sama ada yang telah atau yang belum digunakan dari dewan/bilik peperiksaan.
- (g) Calon **tidak** dibenarkan membawa masuk kertas kosong ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- (h) Calon **tidak** dibenarkan membuat sebarang catatan pada slip LPKC dan membawanya masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan.
- (i) Calon **tidak** dibenarkan merokok di dalam dewan/bilik peperiksaan/kawasan sekolah.
- (j) Calon dinasihati supaya berpakaian kemas dan sesuai serta sentiasa mengikut tatatertib di dalam dewan/bilik peperiksaan.

## 20 Pembatalan Keputusan dan Penyingkiran Calon

- 20.1 Selaras dengan Akta MPM, calon diberi amaran oleh MPM supaya:
- (a) **Jangan** membawa atau menerima daripada sesiapa sahaja, apa-apa buku, nota, kertas, dokumen, gambar, atau apa-apa peranti lain, **kecuali** apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas peperiksaan;
  - (b) **Jangan** berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan berlangsung, walau dengan apa cara sekalipun, **kecuali** dengan kebenaran Ketua Pengawas;
  - (c) **Jangan** melanggar atau ingkar apa-apa arahan Majlis Peperiksaan Malaysia, Ketua Pengawas, atau Pengawas;
  - (d) **Jangan** mengganggu ketenteraman atau melakukan kekacauan di dalam atau di sekitar dewan/bilik peperiksaan;
  - (e) **Jangan** bersubahat dengan seorang lain dengan tujuan untuk menipu;
  - (f) **Jangan** mewakili orang lain menduduki peperiksaan untuk diri calon;
  - (g) **Jangan** menipu atau cuba menipu, atau berkelakuan dengan cara yang boleh dianggap sebagai menipu, atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan.
- 20.2 Jika calon **melanggar mana-mana amaran** pada para 20.1 di atas, sama ada dengan cara disedari atau **tidak** disedari, calon akan didakwa di bawah kaedah 3 dan 4, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225], Kaedah Majlis Peperiksaan Malaysia (Tatacara Dalam Kes Salah Laku, 1986).
- 20.3 Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang calon telah melanggar arahan dan amaran bagi peperiksaan ini atau terlibat dalam sebarang perbuatan salah laku, biadab atau melakukan sebarang perbuatan tidak jujur yang bersabit dengan peperiksaan, Majlis berhak menyingkirkan calon berkenaan daripada peperiksaan dan **tidak** membenarkannya meneruskan peperiksaan, membatalkan keputusannya bagi mana-mana kertas atau mata pelajaran atau membatalkan keputusannya bagi seluruh peperiksaan, dan **tidak** membenarkan calon mendaftarkan diri sebagai calon untuk peperiksaan STPM bagi suatu tempoh yang difikirkan patut oleh Majlis.
- 20.4 Jika Majlis berpuas hati bahawa sesuatu perbuatan salah laku atau perbuatan melanggar arahan atau amaran bagi peperiksaan telah berlaku dengan meluas di sesuatu pusat peperiksaan, atau keadaan pada masa peperiksaan itu dijalankan **tidak** memuaskan, maka Majlis berhak membatalkan seluruh peperiksaan di pusat berkenaan atau membatalkan peperiksaan bagi satu mata pelajaran atau lebih di pusat peperiksaan berkenaan.
- 20.5 Calon yang **disabitkan dengan kes salah laku** dalam mana-mana kertas mata pelajaran pada semester berkenaan, **tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan** bagi kertas tersebut. Kertas yang disabitkan dengan kes salah laku pada mana-mana semester, akan menyebabkan gred mata pelajaran **tersebut dibatalkan (Kod Z)**. Sekiranya calon disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana peperiksaan ulangan semester, calon juga akan mendapat hukuman yang sama.
- 20.6 Calon yang disabitkan dengan kes salah laku pada Semester 1 atau Semester 2 dibenarkan untuk mendaftar mata pelajaran baharu bagi menggantikan mata pelajaran yang dibatalkan. Calon akan mendaftar mata pelajaran baharu pada Semester 2 atau Semester 3. Calon akan menduduki peperiksaan Semester 3, Ulangan 1 atau Ulangan 2 bagi mata pelajaran baharu tersebut.

**21 Pemberitahuan tentang Keputusan Peperiksaan STPM**

- 21.1 Keputusan bagi ketiga-tiga peperiksaan semester dan peperiksaan ulangan yang menunjukkan gred kertas akan dimuat naik ke portal MPM mengikut semester. Calon boleh mencetak slip keputusan masing-masing daripada portal MPM. Keputusan peperiksaan boleh juga disemak melalui SMS. Untuk menghantar SMS, taip **STPM<jarak><nombor kad pengenalan><jarak>angka giliran**, dan **hantar ke 15888**.
- 21.2 Keputusan keseluruhan peperiksaan bagi semua semester yang digabungkan yang menunjukkan gred kertas, gred mata pelajaran, dan nilai gred mata pelajaran akan dikeluarkan semasa pengumuman keputusan peperiksaan STPM melalui Pengarah Pendidikan Negeri (Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan) dalam bentuk slip keputusan STPM. Slip keputusan ini **bukan** sijil. Calon boleh juga menyemak keputusan STPM masing-masing melalui portal MPM dan SMS.
- 21.3 Penentuan gred mata pelajaran adalah berdasarkan **jumlah markah terbaik bagi kertas Semester 1 atau Ulangan 1, kertas Semester 2 atau Ulangan 2, kertas Semester 3, dan kerja kursus (jika berkaitan)/kertas alternatif bertulis bagi mata pelajaran berkenaan**.

Contoh penentuan gred mata pelajaran:

Kod	Mata Pelajaran	Wajaran (%)	Gred Kertas	Gred Mata Pelajaran	Nilai Gred Mata Pelajaran
900	Pengajian Am			B+	3.33
	Pengajian Am 1	26.67	A		
	Pengajian Am 2	20.00	C-		
	Pengajian Am 3	26.67	A		
	Pengajian Am 4/	26.67	A		
	Pengajian Am 5				

- 21.4 Gred kertas, gred mata pelajaran, dan NGMP yang dinyatakan dalam slip keputusan adalah seperti dalam jadual yang berikut:

GRED KERTAS	GRED MATA PELAJARAN	NGMP	TAHAP PENCAPAIAN
A	A	4.00	Lulus Penuh
A-	A-	3.67	Lulus Penuh
B+	B+	3.33	Lulus Penuh
B	B	3.00	Lulus Penuh
B-	B-	2.67	Lulus Penuh
C+	C+	2.33	Lulus Penuh
C	C	2.00	Lulus Penuh
C-	C-	1.67	Lulus Sebahagian
D+	D+	1.33	Lulus Sebahagian
D	D	1.00	Lulus Sebahagian
F	F	0.00	Gagal

- 21.5 Gred kertas dan gred mata pelajaran ditunjukkan dengan gred A hingga F, dengan gred A sebagai gred yang tertinggi manakala gred F sebagai gred gagal. Setiap gred mata pelajaran diberi Nilai Gred Mata Pelajaran (NGMP).

- 21.6 Bagi gred mata pelajaran, gred C hingga A yang diberi nilai 2.00 hingga 4.00 ialah gred lulus penuh, manakala gred D hingga C– yang diberi nilai 1.00 hingga 1.67 ialah gred lulus sebahagian, dan gred F yang diberi nilai 0.00 ialah gred gagal.
- 21.7 Pengiraan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) adalah berdasarkan purata nilai gred bagi **empat** mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am (tertakluk kepada kaedah yang diguna pakai oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pendidikan Tinggi).
- 21.8 PNGK tidak akan tertera sekiranya:
- Gred mata pelajaran Pengajian Am diberi kod W, X, Y atau Z.
  - Gred mata pelajaran bagi mana-mana tiga mata pelajaran lain selain Pengajian Am diberi kod W, X, Y atau Z (Jika calon daftar 4 mata pelajaran).

**Contoh pengiraan PNGK:****Contoh 1:**

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	B+	3.33
960	<i>Physics</i>	B	3.00
962	<i>Chemistry</i>	A-	3.67
964	<i>Biology</i>	A	4.00
			<b>14.00</b>

$$\text{Jumlah NGMP} = 3.33 + 3.00 + 3.67 + 4.00 = 14.00$$

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= \frac{14.00}{4} \\ &= \mathbf{3.50} \end{aligned}$$

**Contoh 2:**

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	C+	2.33
954	<i>Mathematics</i>	C	2.00
960	<i>Physics</i>	B-	2.67
962	<i>Chemistry</i>	D	1.00
964	<i>Biology</i>	C	2.00
			<b>9.00</b>

$$\text{Jumlah NGMP} = 2.33 + 2.00 + 2.67 + 2.00 \text{ (Pilih empat mata pelajaran yang terbaik)}$$

$$= 9.00$$

$$\begin{aligned} \text{PNGK} &= \frac{9.00}{4} \\ &= \mathbf{2.25} \end{aligned}$$

**Contoh 3:**

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	A	4.00
954	<i>Mathematics</i>	A	4.00
960	<i>Physics</i>	A	4.00
962	<i>Chemistry</i>	Z	-
			-

Jumlah NGMP = **TIADA**

PNGK = **TIADA**

**Contoh 4:**

Kod	Mata Pelajaran	Gred Mata Pelajaran	NGMP
900	Pengajian Am	X	-
954	<i>Mathematics</i>	C	2.00
960	<i>Physics</i>	B-	2.67
962	<i>Chemistry</i>	D	1.00
964	<i>Biology</i>	F	<b>0.00</b>
			-

Jumlah NGMP = **TIADA**

PNGK = **TIADA**

- 21.9 Calon akan mendapat keputusan dengan Kod X dalam sesuatu mata pelajaran bagi kes yang berikut:
- Tidak** menduduki peperiksaan bertulis dalam mana-mana kertas
  - Tidak** menghantar KK (**tiada** markah KK)
  - Tidak** hadir menduduki peperiksaan bertulis kertas alternatif bertulis menggantikan KK (calon yang mendaftar kertas alternatif bertulis)
- 21.10 MPM berhak meminda maklumat pada slip keputusan yang dikirimkan kepada calon sebelum pengeluaran sijil.
- 21.11 Calon yang disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana semester, tidak akan dibenarkan untuk mendaftar peperiksaan ulangan bagi semester tersebut. Kertas yang disabitkan dengan kes salah laku pada mana-mana semester, akan menyebabkan gred mata pelajaran tersebut dibatalkan (**Kod Z**). Sekiranya, calon disabitkan dengan kes salah laku dalam mana-mana peperiksaan ulangan juga, calon akan mendapat hukuman yang sama.

- 21.12 Penerangan berkaitan dengan kod yang mungkin akan tercetak pada slip keputusan peperiksaan calon mengikut kes adalah seperti yang berikut:

Kod	Penerangan Kes Calon
W	Calon tidak menjelaskan bayaran yuran pendaftaran/bayaran sebagai calon bantahan/bayaran pindah/tumpang pusat.
X	Calon tidak hadir menduduki peperiksaan/tidak menghantar kerja kursus.
Y	Keputusan calon ditahan disebabkan siasatan kes salah laku.
Z	Keputusan kertas/mata pelajaran calon dibatalkan kerana calon disabitkan kes salah laku.

- 21.13 Keputusan peperiksaan bagi setiap semester, ulangan, dan keseluruhan calon akan ditahan sekiranya calon mendapat kod W.
- 21.14 Calon yang mendaftar peperiksaan bagi kertas Ulangan 1 atau kertas Ulangan 2 bagi mana-mana kertas tetapi tidak hadir, maka markah peperiksaan kertas tersebut diambil daripada markah peperiksaan Semester 1 atau Semester 2.
- 21.15 Calon yang mendapat keputusan Z, yang dibatalkan dua atau lebih mata pelajaran atau dua atau lebih peperiksaan **tidak dibenarkan** memperbaiki keputusan pada tahun berikutnya.

## 22 Sijil STPM secara dalam talian (e-Sijil STPM)

- 22.1 Berkuat kuasa mulai peperiksaan STPM Tahun 2025, calon boleh memuat turun dan mencetak Sijil STPM secara dalam talian (e-Sijil STPM) melalui portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <https://www.mpm.edu.my>. MPM tidak lagi mengeluarkan Sijil STPM dalam bentuk salinan cetak atau salinan keras (*hardcopy*).
- 22.2 Calon boleh memuat turun dan mencetak sendiri e-Sijil STPM masing-masing mulai jam **3:00 petang** pada tarikh keputusan STPM diumumkan.
- 22.3 Manual untuk memuat turun dan mencetak e-Sijil STPM untuk rujukan calon disediakan dalam sistem e-Sijil STPM.
- 22.4 Walau bagaimanapun, calon masih boleh memohon Sijil STPM dalam bentuk salinan cetak (*hardcopy*) daripada MPM, tetapi caj sebanyak **RM60.00** (termasuk caj pengeposan) akan dikenakan. Permohonan bagi mendapatkan Sijil STPM dalam bentuk salinan cetak terdapat dalam sistem e-Sijil.
- 22.5 Calon boleh memuat turun dan mencetak e-Sijil STPM tahun semasa dalam tempoh **dua tahun** dari tarikh keputusan STPM dikeluarkan secara **percuma**. Sehubungan itu, calon dinasihatkan untuk memuat turun dan menyimpan e-Sijil STPM tahun semasa masing-masing bagi mengelakkan calon dikenakan caj selepas tempoh tersebut. Ini kerana **selepas tempoh dua tahun** tersebut, permohonan untuk memuat turun e-Sijil STPM tahun semasa akan dikenakan caj sebanyak **RM20.00**.
- 22.6 Sijil STPM akan dianugerahkan kepada calon yang mendapat sekurang-kurangnya lulus sebahagian dalam satu mata pelajaran (rujuk para 21.6 pada halaman 21).

- 22.7 Calon yang ingin mendapatkan transkrip sijil STPM versi Bahasa Melayu dan versi Bahasa Inggeris hendaklah mengemukakan perkara yang berikut:
- (a) Borang permohonan transkrip STPM. Untuk mendapatkan borang, sila klik pautan ini [borang MPM/S4 - Borang Permohonan Transkrip STPM](#).
  - (b) Salinan slip keputusan atau salinan sijil STPM.
  - (c) Caj sebanyak **RM50.00** dikenakan bagi setiap permohonan transkrip STPM. Caj tambahan sebanyak **RM10.00** dikenakan bagi permohonan melalui pos (**Pos Laju**). Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Bayaran MPM yang terdapat di portal MPM atau di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/bayaranmpm/>. Slip bayaran berserta borang [MPM/S4](#) perlu dihantar ke alamat e-mel [bayaranMPM@mpm.edu.my](mailto:bayaranMPM@mpm.edu.my).
  - (d) Transkrip STPM akan dihantar terus oleh MPM ke alamat calon.
- 22.8 Sekiranya terdapat sebab tertentu keputusan calon dibatalkan, MPM berhak menarik balik sijil STPM yang telah dikeluarkan kepada calon.
- 22.9 Bagi permohonan untuk mendapatkan penyata keputusan (peperiksaan STPM yang diduduki pada tahun 1986 dan ke bawah serta calon yang tidak layak mendapat sijil), caj sebanyak RM30.00 akan dikenakan. Bayaran hendaklah dibuat secara dalam talian melalui Sistem Bayaran MPM yang terdapat di portal MPM atau di pautan <https://mecea.mpm.edu.my/bayaranmpm/>. Slip bayaran berserta borang [MPM/S3](#) perlu dihantar ke alamat e-mel [bayaranMPM@mpm.edu.my](mailto:bayaranMPM@mpm.edu.my).

## 23 Laporan Peperiksaan STPM

Laporan peperiksaan STPM yang memberikan ulasan tentang jawapan calon dalam peperiksaan STPM akan dikeluarkan pada tahun berikutnya. Laporan ini akan dimuat naik ke portal MPM.

## 24 Hasil Kerja Calon

- 24.1 Skrip jawapan calon dan hasil kerja calon dalam sebarang bentuk untuk peperiksaan ini akan menjadi **hak milik MPM**.
- 24.2 Markah yang diperolehi oleh calon dalam peperiksaan STPM diperingkatkan sebagai **SULIT** dan tidak boleh dizahirkan oleh MPM.

## 25 Pemilihan Mata Pelajaran STPM

- 25.1 Peperiksaan STPM merupakan sijil terbuka.
- 25.2 Dalam satu sesi peperiksaan calon boleh mengambil sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dan selebih-lebihnya lima mata pelajaran. Jika calon mengambil lima atau empat mata pelajaran, satu daripadanya mestilah Pengajian Am.
- 25.3 Calon **tidak** boleh mengambil kombinasi kertas yang **tidak** dibenarkan oleh Sukatan Pelajaran Peperiksaan.

- 25.4 Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 **dibenarkan** untuk mengambil mata pelajaran yang **tidak** ditawarkan di sekolah/institusi (luar pakej sekolah) dengan syarat mata pelajaran yang hendak diambil itu mempunyai **kertas alternatif bertulis** yang menggantikan kerja kursus. Namun demikian, kelulusan untuk mengambil kertas alternatif bertulis ini di sekolah perlu **mendapat kebenaran MPM secara bertulis**. Pengetua sekolah bertanggungjawab memaklumkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan perkara ini. Sekolah **tidak** dibenarkan meneruskan tawaran peperiksaan kertas alternatif bertulis ini sehingga **mendapat kelulusan MPM**.
- 25.5 Sekiranya perkara pada para 25.4 tidak dapat diurus oleh sekolah atau mata pelajaran yang ingin diambil **tidak** ditawarkan oleh sekolah, calon dinasihatkan untuk berpindah ke sekolah yang menawarkan mata pelajaran tersebut. Perpindahan tersebut adalah tanggungjawab calon. Bahan kerja kursus calon hendaklah dihantar ke sekolah baharu calon.

## 26 Pertukaran Aliran STPM

Calon jenis 1 dan jenis 7 yang ingin menukar aliran, calon hendaklah memohon kelulusan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (**u.p Sektor Pengurusan Sekolah**) melalui Pengetua Sekolah terlebih dahulu. Surat kelulusan yang diperoleh daripada Sektor pengurusan Sekolah, JPN perlu disertakan bersama-sama surat permohonan tukar aliran kepada MPM (salinan surat permohonan hendaklah juga dihantar ke SPP, JPN). Calon yang diluluskan tukar aliran STPM akan dikenakan caj sebanyak RM50 sebagai caj pentadbiran.

**27 Mata Pelajaran yang Ditawarkan dan Buku Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM**

27.1 Sebanyak 23 mata pelajaran ditawarkan dalam peperiksaan STPM seperti yang disenaraikan di bawah ini:

<b>Bil.</b>	<b>Kod</b>	<b>Mata Pelajaran</b>
1.	900	Pengajian Am
2.	910	Bahasa Melayu
3.	911	Bahasa Cina
4.	912	Bahasa Tamil
5.	913	Bahasa Arab
6.	920	<i>Literature in English</i>
7.	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif
8.	930	Pengajian Syariah Kontemporari
9.	931	Pengajian Usuluddin
10.	932	Tahfiz Al-Quran
11.	940	Sejarah
12.	942	Geografi
13.	944	Ekonomi
14.	946	Pengajian Perniagaan
15.	948	Perakaunan
16.	950	<i>Management Mathematics</i>
17.	954	<i>Mathematics</i>
18.	958	<i>Information and Communications Technology</i>
19.	960	<i>Physics</i>
20.	962	<i>Chemistry</i>
21.	964	<i>Biology</i>
22.	966	Sains Sukan
23.	970	Seni Visual

27.2 Sukatan Pelajaran Peperiksaan bagi mata pelajaran peperiksaan STPM boleh dimuat turun daripada portal MPM.

**28 Perhatian:**

- 28.1 Calon dinasihati supaya mengambil empat atau lima mata pelajaran termasuk Pengajian Am kerana pemilihan masuk ke IPTA mengambil kira gred keputusan Pengajian Am yang diambil dalam satu peperiksaan.
- 28.2 Kertas alternatif bertulis adalah kertas peperiksaan yang wajib diduduki oleh calon persendirian/individu bagi menggantikan kerja kursus untuk mata pelajaran tertentu.
- 28.3 Kertas alternatif bertulis wajib diduduki oleh calon yang mengambil mata pelajaran di luar pakej sekolah.
- 28.4 Calon yang memohon masuk ke Universiti Awam (UA) menggunakan keputusan STPM mesti menduduki *Malaysian University English Test* (MUET).
- 28.5 Ujian MUET Sesi dijalankan sebanyak **tiga** kali setahun.
- 28.6 Ujian MUET juga dilaksanakan secara *MUET on Demand* (MoD). Ujian MoD dibuat setiap bulan dan berdasarkan permohonan agensi.  
Ujian MUET juga dilaksanakan secara *MUET Express* (MEX) yang dilaksanakan pada setiap minggu.
- 28.7 Maklumat tentang MUET dapat diperoleh dalam buku ***MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET) – Regulations and Test Specifications***, buku ***Sample Questions***, dan melalui portal MPM.

## SENARAI MATA PELAJARAN DAN KERTAS

29 Berikut ialah senarai mata pelajaran dan kertas yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM.

Bil.	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
1	900	Pengajian Am	900/1	Pengajian Am 1	26.67	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon.  Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil kertas 4.  Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Pengajian Am luar pakej ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil kertas 5.
			900/2	Pengajian Am 2	20.00	2 jam	
			900/3	Pengajian Am 3	26.67	2 jam	
			900/4	Pengajian Am 4 (Kerja Kursus: Projek)	20.00	Semester 2	
					6.67	Semester 3 (Minggu 1 & 2) – Pembentangan	
900/5	Pengajian Am 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	26.67	3 jam (Semester 3)				
2	910	Bahasa Melayu	910/1	Bahasa Melayu 1	33.33	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			910/2	Bahasa Melayu 2	33.33	2 ½ jam	
			910/3	Bahasa Melayu 3	33.33	2 ½ jam	
3	911	Bahasa Cina	911/1	Bahasa Cina 1	33.33	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			911/2	Bahasa Cina 2	33.33	2 ½ jam	
			911/3	Bahasa Cina 3	33.33	2 ½ jam	
4	912	Bahasa Tamil	912/1	Bahasa Tamil 1	33.33	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			912/2	Bahasa Tamil 2	33.33	2 ½ jam	
			912/3	Bahasa Tamil 3	33.33	2 ½ jam	
5	913	Bahasa Arab	913/1	Bahasa Arab 1	32	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			913/2	Bahasa Arab 2	32	2 jam	
			913/3	Bahasa Arab 3	24	1½ jam	
			913/4	Bahasa Arab 4 (Kerja Kursus: Ujian Lisan)	12	Semester 3	
6	920	<i>Literature in English</i>	920/1	<i>Literature in English 1</i>	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			920/2	<i>Literature in English 2</i>	33.33	2 jam	
			920/3	<i>Literature in English 3</i>	33.33	2 jam	

Bil.	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan Nama Kertas		Wajaran (%)	Masa	Nota
7	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	922/1	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			922/2	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 2	33.33	2 jam	
			922/3	Kesusasteraan Melayu Komunikatif 3	33.33	2 jam	
8	930	Pengajian Syariah Kontemporari (PSK)	930/1	Pengajian Syariah Kontemporari 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			930/2	Pengajian Syariah Kontemporari 2	33.33	2 jam	
			930/3	Pengajian Syariah Kontemporari 3	33.33	2 jam	
9	931	Pengajian Usuluddin	931/1	Pengajian Usuluddin 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			931/2	Pengajian Usuluddin 2	33.33	2 jam	
			931/3	Pengajian Usuluddin 3	33.33	2 jam	
10	932	Tahfiz Al-Quran	932/1	Tahfiz Al-Quran 1	20	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh calon. Mata pelajaran ini hanya boleh diambil oleh calon dari sekolah kerajaan atau sekolah swasta atau calon sekolah kerajaan negeri yang dibenarkan oleh MPM untuk menawarkan mata pelajaran ini.  Calon yang pernah menduduki mata pelajaran ini pada STPM tahun sebelum dibenarkan mengulang mata pelajaran ini.
			932/2	Tahfiz Al-Quran 2	23.33	2 ½ jam	
			932/3	Tahfiz Al-Quran 3	23.33	2 ½ jam	
			932/4	Tahfiz Al-Quran 4 (Kerja Kursus: Ujian Syafawi)	33.33	Semester 1 hingga Semester 3	
11	940	Sejarah	940/1	Sejarah 1	29	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon kecuali kertas Sejarah 5 untuk calon sekolah swasta dan calon persendirian individu. Kertas Sejarah 5 adalah kertas alternatif bertulis.
			940/2	Sejarah 2	22	1½ jam	
			940/3	Sejarah 3	29	2 jam	
			940/4	Sejarah 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 2	
			940/5	Sejarah 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	20	1 ½ jam (Semester 2)	

Bil.	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
12	942	Geografi	942/1	Geografi 1	32.14	2 ¼ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Geografi di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil kertas 5.
			942/2	Geografi 2	32.14	2 ¼ jam	
			942/3	Geografi 3	14.29	1 jam	
			942/4	Geografi 4 (Kerja Kursus: Kajian Lapangan)	21.43	Semester 3	
			942/5	Geografi 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	21.43	1 ½ jam (Semester 3)	
13	944	Ekonomi	944/1	Mikroekonomi	33.33	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			944/2	Makroekonomi	33.33	2 ½ jam	
			944/3	Ekonomi Gunaan	33.33	2 ½ jam	
14	946	Pengajian Perniagaan	946/1	Pengajian Perniagaan 1	33.33	2 ½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon.
			946/2	Pengajian Perniagaan 2	33.33	2 ½ jam	
			946/3	Pengajian Perniagaan 3	33.33	2 ½ jam	
15	948	Perakaunan	948/1	Perakaunan Kewangan 1	26.67	2 jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Perakaunan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5. Sekiranya calon jenis 2 berminat untuk mengambil Kertas 4, pihak sekolah perlu menyediakan fasiliti dan mengemukakan permohonan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia untuk kelulusan.
			948/2	Perakaunan Kewangan 2	26.67	2 jam	
			948/3	Perakaunan Pengurusan	26.67	2 jam	
			948/4	Perakaunan 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 1, 2, dan 3	
			948/5	Perakaunan 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	20	1 ½ jam (Semester 3)	
16	950	Management Mathematics	950/1	Management Mathematics 1	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <b>Management Mathematics tidak</b> boleh diambil bersama dengan <i>Mathematics</i> . Calon yang pernah mengambil mata pelajaran ini pada STPM tahun sebelum dibenarkan mengulang mata pelajaran ini.
			950/2	Management Mathematics 2	33.33	2 jam	
			950/3	Management Mathematics 3	33.33	2 jam	

Bil.	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
17	954	<i>Mathematics</i>	954/1	<i>Mathematics 1</i>	33.33	2 jam	Semua kertas mesti diambil oleh semua jenis calon. <i>Mathematics tidak</i> boleh diambil bersama dengan <i>Management Mathematics</i> .  Calon yang pernah menduduki mata pelajaran ini pada STPM tahun sebelum dibenarkan mengulang mata pelajaran ini.
			954/2	<i>Mathematics 2</i>	33.33	2 jam	
			954/3	<i>Mathematics 3</i>	33.33	2 jam	
18	958	<i>Information and Communications Technology</i>	958/1	<i>Information and Communications Technology 1</i>	20	1½ jam	Semua kertas mesti diambil oleh calon. Mata pelajaran ini hanya boleh diambil oleh calon dari sekolah kerajaan atau sekolah swasta yang dibenarkan oleh MPM untuk menawarkan mata pelajaran ini.  Calon yang pernah menduduki mata pelajaran ini pada STPM tahun sebelum dibenarkan mengulang mata pelajaran ini.
			958/2	<i>Information and Communications Technology 2</i>	20	1½ jam	
			958/3	<i>Information and Communications Technology 3</i>	20	1½ jam	
			958/4	<i>Information and Communications Technology 4 (Coursework)</i>	40	Semester 1, 2, dan 3	
19	960	<i>Physics</i>	960/1	<i>Physics 1</i>	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, jenis 8, dan calon yang mengambil <i>Physics</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			960/2	<i>Physics 2</i>	26.67	1½ jam	
			960/3	<i>Physics 3</i>	26.67	1½ jam	
			960/4	<i>Physics 4 (Coursework)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
			960/5	<i>Physics 5 (Written Practical Test)</i>	20	1½ jam (Semester 3)	

Bil.	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
20	962	<i>Chemistry</i>	962/1	<i>Chemistry 1</i>	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, jenis 8, dan calon yang mengambil <i>Chemistry</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			962/2	<i>Chemistry 2</i>	26.67	1½ jam	
			962/3	<i>Chemistry 3</i>	26.67	1½ jam	
			962/4	<i>Chemistry 4 (Coursework)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
			962/5	<i>Chemistry 5 (Written Practical Test)</i>	20	1½ jam (Semester 3)	
21	964	<i>Biology</i>	964/1	<i>Biology 1</i>	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, jenis 8, dan calon yang mengambil <i>Biology</i> di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			964/2	<i>Biology 2</i>	26.67	1½ jam	
			964/3	<i>Biology 3</i>	26.67	1½ jam	
			964/4	<i>Biology 4 (Coursework)</i>	20	Semester 1, 2, dan 3	
			964/5	<i>Biology 5 (Written Practical Test)</i>	20	1½ jam (Semester 3)	
22	966	Sains Sukan	966/1	Sains Sukan 1	26.67	1½ jam	Kertas 1, Kertas 2, dan Kertas 3 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1, jenis 7, dan jenis 8 dikehendaki mengambil Kertas 4. Calon jenis 2 boleh memilih untuk mengambil Kertas 4 atau Kertas 5 tertakluk kepada kelulusan Majlis Peperiksaan Malaysia. Calon jenis 3, jenis 8, dan calon yang mengambil Sains Sukan di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 5.
			966/2	Sains Sukan 2	26.67	1½ jam	
			966/3	Sains Sukan 3	26.67	1½ jam	
			966/4	Sains Sukan 4 (Kerja Kursus)	20	Semester 1, 2, dan 3	
			966/5	Sains Sukan 5 (Kertas Alternatif Bertulis)	20	2 jam (Semester 3)	

Bil.	Kod dan Nama Mata Pelajaran		Kod dan nama kertas mata pelajaran		Wajaran (%)	Masa	Nota
23	970	Seni Visual	970/1	Seni Visual 1	35	3 jam	Kertas 1 dan Kertas 2 mesti diambil oleh semua jenis calon. Calon jenis 1 dan 7 dikehendaki mengambil Kertas 3. Calon jenis 2, 3, 8, dan calon yang mengambil Seni Visual di luar pakej yang ditawarkan oleh sekolah dikehendaki mengambil Kertas 4.
			970/2	Seni Visual 2	35	2 ½ jam	
			970/3	Seni Visual 3 (Kerja Kursus)	30	Semester 3	
			970/4	Seni Visual 4 (Kertas Alternatif Bertulis)	30	3 jam (Semester 3)	

## SENARAI BUKU SUKATAN PELAJARAN PEPERIKSAAN

Sukatan pelajaran peperiksaan yang lengkap bagi peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dicetak dalam buku-buku yang berasingan mengikut mata pelajaran seperti yang berikut:


Bil.	Mata Pelajaran	Tahun Mula Digunakan*
1.	Pengajian Am	2026
2.	Bahasa Melayu	2026
3.	Bahasa Cina	2026
4.	Bahasa Tamil	2026
5.	Bahasa Arab	2026
6.	<i>Literature in English</i>	2026
7.	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	2026
8.	Pengajian Syariah Kontemporari	2026
9.	Pengajian Usuluddin	2026
10.	Tahfiz Al-Quran	2020
11.	Sejarah	2026
12.	Geografi	2026
13.	Ekonomi	2026
14.	Pengajian Perniagaan	2026
15.	Perakaunan	2026
16.	<i>Management Mathematics</i>	2026
17.	<i>Mathematics</i>	2026
18.	<i>Information and Communications Technology</i>	2026
19.	<i>Physics</i>	2026
20.	<i>Chemistry</i>	2026
21.	<i>Biology</i>	2026
22.	Sains Sukan	2026
23.	Seni Visual	2026

---

**Nota:** \* Sukatan pelajaran peperiksaan ini digunakan bagi peperiksaan tahun berkenaan dan tahun-tahun seterusnya sehingga perubahan dimaklumkan. Sukatan pelajaran peperiksaan ini boleh dimuat turun daripada portal MPM.

**HALAMAN KOSONG**

KELUARAN: APRIL 2026



Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Ia ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM merupakan sebuah badan pentaksiran yang diiktiraf di Malaysia untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), ujian *Malaysian University English Test* (MUET) mengikut sesi dan mengikut kaedah *MUET on Demand* (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa, dan MPM telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment, United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET telah disejajarkan dengan *The Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dan diiktiraf serta diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Majlis Peperiksaan Malaysia  
Persiaran 1  
Bandar Baru Selayang  
68100 BATU CAVES  
Selangor, Darul Ehsan  
[www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my)  
03-61261600  
03-61367329